

# Pelaburan: Mahathir kecam sikap majalah2 luar negeri

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengecam majallah-majallah antarabangsa yang menjalan kempen menakut-nakutkan pelabur asing datang ke negara-negara sedang membangun seperti Malaysia.

Katanya, kempen terbaru ditujukan kepada apa yang mereka gelar sebagai 'negara-negara Jepun baru', iaitu negara-negara seperti Malaysia yang akan menjadi negara-negara perdagangan dan perkilangan yang mana akan bersaing dengan negara-negara barat.



DR. MAHATHIR

Ketika meresmikan seminar 'Pelaburan Kawasan Tengah' di sini hari ini, Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan, oleh kerana Malaysia kekurangan pengetahuan teknologi dan pemasaran, majallah-majallah dan jernal-jernal ekonomi ini telah mula mengarahkan perhatian mereka kepada pengusaha-pengusaha mereka sendiri dan mempengaruhi mereka supaya jangan melabur di negara-negara yang sedang membangun.

Tambah beliau, kini Malaysia menjadi sasaran kempen seperti ini.

Katanya, "Tiap-tiap kali kita melancarkan kempen untuk menarik pelaburan dari luar negeri, majallah-majallah ini telah menyiarkan artikel-artikel yang bertujuan menakut-nakutkan menamatkan bakal-bakal pelabur."

Mereka telah gagal dalam usaha menabur fitnah bahawa melabur di Malaysia tidak mendatangkan faedah. Sekarang mereka beralih kepada isu-isu ketidakstabilan politik dan ekonomi, jelas beliau.

Sesungguhnya, mereka tidak berhenti-henti mengatakan bahawa rusuhan dan pergaduhan antara kaum akan berlaku di negara ini, ujar beliau.

## Kejayaan

Katanya, kejayaan Barisan Nasional memenangi 131 dari 154 kerusi Parlimen tidak diberi perhatian, tetapi sebaliknya kemenangan DAP di 16 kawasan Parlimen telah dianggap akan membawa kepada pergaduhan antara kaum.

Tambah Timbalan Perdana Menteri, Malaysia akan terus makmur kerana ini adalah kehendak rakyat apabila mereka mengundi untuk kestabilan.

"Kerajaan Malaysia akan meneruskan kempen-kempennya untuk menarik pelaburan asing ke negeri ini."

"Kita mempunyai bukti-bukti yang cukup bahawa ahli-ahli perniagaan waras bersedia mendengar cakap kita dari dipengaruhi oleh majallah-majallah tersebut dan dalam aspek itu kita akan berjaya mengatasi kempen buruk yang ditujukan kepada negara ini."

Dato Seri Dr. Mahathir juga memberitahu, beliau akan mengetuai satu lagi rombongan pelaburan ke Amerika Syarikat dan Jepun bulan September dan Oktober depan.

Tujuan rombongan ini, ialah untuk menarik pelabur-pelabur asing supaya dapat menjalankan kegiatan-kegiatan perkilangan mereka di Malaysia.

Katanya, dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing supaya datang ke sini sebagai rakan usahasama dengan rakyat Malaysia, telah memberi peluang yang luas kepada rakyat Malaysia yang ingin memasuki sektor perkilangan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Sel. 1394  
Pen. 1065/80